

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]**

TARIKH : **2 JULAI 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perkembangan kajian status undang-undang *Airbnb*. Adakah ia akan dilaksanakan, jika tidak, nyatakan mekanisme yang dicadangkan. Juga nyatakan adakah cukai pelancongan bakal dikutip daripada industri berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua isu berkaitan *home sharing* akan diselaras dan dibincangkan di bawah platform *Working Group on Home Sharing Economy* atau WGHSE yang diurusetikan oleh *Malaysia Productivity Corporation* (MPC). Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak swasta dan sektor awam termasuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atau MOTAC yang bertujuan untuk membangunkan *Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accommodations*.

Di bawah WGHSE, sebuah jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan MOTAC. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi menyediakan dokumen panduan yang merangkumi perkara-perkara berkaitan pendaftaran, keselamatan, kawalan kacau ganggu, kutipan cukai dan tempoh penginapan. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah diadakan pada 27 Mei 2019 dan diikuti dengan penganjuran Bengkel Pembangunan Garis Panduan Kawal Selia Penginapan Jangka Masa Pendek pada 28 hingga 30 Jun 2019. *Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accommodations* akan membantu dari segi memberi panduan mengenai hala tuju penginapan sewaan jangka pendek.

Berkenaan kutipan cukai pelancongan, Kementerian ini berpandangan sebarang premis penginapan yang memenuhi syarat pengenaan cukai sama ada oleh pihak berkuasa tempatan atau Persekutuan harus dikenakan cukai yang selayaknya. Walau bagaimanapun, perkara berkaitan pengenaan cukai ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Kerajaan Negeri dan Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.